

02 NOV 2002
Mahathir-Rakyat
PM INGATKAN RAKYAT TIDAK KORBANKAN KEMERDEKAAN

BUKIT MERTAJAM, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya bersatu untuk membentuk dan menentukan masa depan negara dengan corak yang tersendiri.

Dr Mahathir berkata sudah menjadi tanggungjawab rakyat dan semua pemimpin untuk menentukan masa depan negara supaya generasi akan datang dapat menikmati pembangunan yang telah diusahakan.

Berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Maktab Perguruan Tuanku Bainun di sini hari ini, Perdana Menteri berkata walau apa sahaja pertelingkahan yang berlaku, rakyat digesa supaya tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membina sebuah negara yang maju.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak harus mengadaikan kemerdekaan negara yang dikecapi hanya disebabkan pertelingkahan kecil, memandangkan tanggungjawab untuk memelihara kemerdekaan negara bukan hanya dipikul oleh pemimpin sahaja.

"Janganlah bertindak sehingga boleh merosakkan masa depan negara hanya kerana pertelingkahan kecil kerana ia merupakan perbuatan tidak bertanggungjawab yang boleh mengadaikan kemerdekaan negara", kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dalam era globalisasi, kuasa asing sedang cuba menjajah semula negara ini dan jika perkara ini dibiarkan berlaku, ia memakan masa lebih 400 tahun untuk dipulihkan semula.

"Kita pernah dijajah selama 450 tahun sebelum kita mencapai kemerdekaan dan jika kita biarkan negara ini dijajah sekali lagi, maka mungkin kita kena tunggu lebih 450 tahun lagi untuk merdeka semula," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata yang penting sekarang ialah usaha untuk menyediakan negara yang makmur kepada generasi akan datang ditingkatkan supaya generasi akan datang tidak kecewa dengan pemimpin terdahulu mereka.

Beliau berkata kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang kaum dan memastikan bahawa kaum Melayu dapat maju bersama-sama kaum-kaum lain di negara ini.

"Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dan mempunyai rakyat yang maju tanpa mebeza-bezakan kelebihan mana-mana kaum malah rakyat semua kaum harus kerja sama, bermain sama dan hidup sama senang", katanya.

Dr Mahathir juga berkata atas sebab itulah kerajaan mengambil keputusan untuk memperkenalkan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains kerana kedua-dua bidang ilmu itu harus dikuasai dengan baik oleh orang Melayu.

Perdana Menteri berkata orang Melayu lemah dalam Sains dan Matematik dan mereka harus didedahkan dengan penguasaan bahasa Inggeris yang baik dalam kedua-dua mata pelajaran itu supaya dapat memahaminya menerusi beratus-ratus buah buku dan jurnal yang dihasilkan setiap hari oleh negara-negara barat.

Beliau berkata isu kononnya kerajaan membelakangkan bahasa Melayu tidak timbul kerana orang Melayu tidak akan hilang identiti hanya kerana mereka bijak dan mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan yakin bahawa rakyat negara ini telah bijak dan boleh membuat keputusan yang baik untuk memilih kerajaan yang dapat membawa kemajuan kepada negara dan generasi akan datang.

Pada majlis yang dihadiri oleh lebih 20,000 orang itu, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa beliau akan tetap bersara pada Oktober tahun depan dan akan menyerahkan jawatan itu kepada timbalannya sekarang, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata Abdullah adalah orang yang paling sesuai untuk menerima jawatan Perdana Menteri dan beliau yakin bahawa sokongan yang diberikan kepadanya dapat juga diberikan kepada Abdullah.

-- BERNAMA

AZE LAT